



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
Bil. 15

17hb Julai 2003

TAMBAHAN
No. 6

PERISYTIHARAN

No. 524.

Oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH, Sultan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri dan Jajahan Perak Darul Ridzuan dan segala Takluknya.

(Mohor Kerajaan)

SULTAN AZLAN SHAH
(Tandatangan Sultan)

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara XXXVI Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak memperuntukkan bahawa hendaklah Kami dari semasa ke semasa memanggil Dewan Negeri bersidang:

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA KAMI, SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH, Sultan, Yang

di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi Negeri dan Jajahan Perak Darul Ridzuan dan segala Takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada Kami seperti yang tersebut di atas, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri bersidang dan menetapkan Empat haribulan Ogos 2003 pada jam sepuluh pagi sebagai tarikh dan waktu bagi permulaan Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Dewan Negeri Yang Kesepuluh Perak Darul Ridzuan yang akan diadakan di Dewan Mesyuarat, Bangunan Perak Darul Ridzuan di Ibu Negeri Kami di Ipoh.

DIKURNIAKAN di Istana Iskandariah Kami, di Kuala Kangsar pada 17 Julai 2003.

[PSUK.PK.(MAJ) A355/177/9-29; PU.PK. 79/84.]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
Menteri Besar,
Perak Darul Ridzuan

PROCLAMATION

By His Royal Highness Paduka Seri SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH, Sultan, Yang di-Pertuan and Ruler of the State and Territory of Perak Darul Ridzuan and all its Dependencies.

(State Seal)

SULTAN AZLAN SHAH
(Ruler's Sign Manual)

WHEREAS it is provided by Clause (1) of Article XXXVI of the First Part of the Laws of the Constitution of Perak that We shall from time to time summon the Legislative Assembly:

NOW THEREFORE, WE, SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH, Sultan, Yang di-Pertuan and Ruler of the State and Territory of Perak Darul Ridzuan and all its Dependencies, in exercise of the powers conferred upon Us as aforesaid, DO HEREBY SUMMON the Legislative Assembly and appoint the Fourth day of August 2003 at the hour of ten in the forenoon as the date and time for the commencement of the Second Meeting of the Fourth Session of the Tenth Legislative Assembly of the State of Perak Darul Ridzuan to be held in the Legislative Chamber, at Perak Darul Ridzuan Building in Our State Capital in Ipoh.

GIVEN at Our Istana Iskandariah, in Kuala Kangsar this 17th July 2003.

[PSUK.PK.(MAJ) A355/177/9-29; PU.PK. 79/84.]

By His Royal Highness's Command,

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
Menteri Besar,
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA